

15 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR/I LEAD

DR MAHATHIR KESAL KETIADAAN CLINTON DI APEC

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kesal mengenai berita bahawa Presiden AS Bill Clinton tidak akan dapat menghadiri sidang kemuncak Apec pada 17 dan 18 Nov ini.

"Sekiranya Presiden AS Bill Clinton datang untuk sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Apec, beliau akan tahu bahawa bertentangan dengan laporan media, Malaysia adalah negara yang aman," katanya kepada pemberita dalam sesi dialog selepas membuka Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di sini.

"Jika beliau datang (ke Kuala Lumpur) beliau boleh membetulkan laporan Herald Tribune," kata Dr Mahathir, dengan nyata merujuk kepada laporan "International Tribune" bahawa Malaysia mengalami rusuhan berikutan pemecatan dan penangkapan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata Clinton tidak pernah ke Malaysia walaupun ramai rakyat Amerika telah berada di sini.

"Sebahagian mereka tidak pernah berada di sini (tetapi) bercakap mengenai situasi yang meruncing di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Mengenai perbalahan antara AS dan Iraq, Dr Mahathir berkata beliau selalu mengharapkan yang "kita dapat menyelesaikan masalah Iraq menerusi perbincangan."

Beliau tidak fikir mengebom Iraq akan menyelesaikan masalah.

Beliau berkata Saddam Hussein akan selamat di tempat perlindungannya sementara nyawa-nyawa yang tidak bersalah akan hilang.

Turut hadir di upacara pembukaan sidang kemuncak perniagaan yang diadakan seiringan dengan mesyuarat Apec itu adalah Presiden Peru Alberto Fujimori, yang merupakan pemimpin pertama Apec yang tiba untuk sidang kemuncak yang bermula Selasa. -- BERNAMA

ES JR